



Ruj.Kami : PTGPP/PHMT/431 JILID 25 ( 32 )

Tarikh : 7 Ogos 2019

Semua peguam beramal di Pulau Pinang

Melalui :  
Penang Bar Committee  
No. 4 (1st Floor)  
Green Hall,  
10200 PENANG.

Tuan/Puan,

**PERINGATAN UNTUK MENGEMUKAKAN PERSERAHAN PENDAFTARAN SEBELUM BULAN NOVEMBER 2019.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa terdapat peningkatan yang mendadak bagi penyerahan dokumen bagi tujuan pendaftaran di Pejabat Tanah & Galian Pulau Pinang (PTGPP) dan semua Pejabat Daerah & Tanah (PDT) di Pulau Pinang pada penghujung tahun iaitu pada bulan November dan Disember saban tahun.

3. Semakan pentadbiran ini mendapati terdapat perserahan yang boleh dikemukakan lebih awal dan bukannya pada saat akhir di hujung tahun. Bagi tujuan melancarkan proses mengeluarkan resit pembayaran di kaunter SPOC dan pendaftaran semua perserahan tersebut, PTGPP/PDT akan mengeluarkan nombor giliran yang terhad dengan bilangan perserahan yang terhad pada bulan November dan Disember 2019.

4. Sehubungan itu, pihak firma guaman diingatkan agar mengemukakan perserahan dokumen pendaftaran lebih awal bagi mengelakkan ditolak oleh PTGPP/PDT pada bulan November dan Disember 2019 kelak.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ AKMAR BIN HJ OMAR)  
Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang